

BERITA HARIAN

DATE: 16 / 08 / 2007

PM lancar Perayaan Kemerdekaan Jumaat

MELAKA 15 Ogos - Dataran Pahlawan di Banda Hilir di sini, sekali lagi dipilih untuk pelancaran Perayaan Kemerdekaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang sempena sambutan kemerdekaan ke-50 negara.

Pelancaran tersebut akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Jumaat ini.

Pelbagai acara menarik diatur bagi mengimbuai kembali peristiwa bersejarah pada 20 Februari 1956 iaitu pengisytiharan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj di Padang Banda Hilir, yang kini dikenali Dataran Pahlawan.

Tunku Abdul Rahman telah mengumumkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tarikh 31 Ogos 1957 pada perhimpunan yang dihadiri kira-kira 100,000 orang.

Melaka dipilih untuk pengisytiharan tarikh kemerdekaan kerana di negeri itulah kuasa-kuasa asing mula bertapak sebelum mereka menguasai seluruh Tanah Melayu.

Melaka, yang dianggap sebagai pelabuhan

penting dan terletak di kedudukan strategik di tengah-tengah laluan perdagangan timur-barat, ditawan Portugis pada 1511 dan pada 1641 ia jatuh ke tangan Belanda.

Pada 1824 ia diambil alih oleh Britain melalui satu perjanjian dengan Belanda dan ini membuka laluan bagi Inggeris menguasai seluruh Semenanjung.

Dengan itu mesyuarat tergempar UMNO di Kuala Kangsar pada 13 Januari 1956 menetapkan negeri itu sebagai lokasi untuk mengumumkan tarikh kemerdekaan.

Tarikh 20 Februari 1956 itu amat besar maknanya bagi rakyat Persekutuan Tanah Melayu kerana buat pertama kali mereka dapat menarik nafas lega mengetahui tanah air mereka berjaya mendapatkan kemerdekaan.

Pada Januari 1956 rombongan Perikatan yang terdiri daripada Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman, Tun H S Lee, T. H. Tan dan Abdul Kadir Shamsudin menaiki kapal MV Asia di Pelabuhan Tanjung Pagar, Singapura, untuk ke London bagi

membincangkan mengenai kemerdekaan.

Rundingan berlangsung dari 18 Januari hingga 8 Februari dan pada 11 Februari perjanjian kemerdekaan Tanah Melayu ditandatangani.

Rombongan itu berlepas pulang pada 16 Februari dan tiba di Singapura pada tengah malam 19 Februari.

Keesokan harinya, rombongan itu berlepas ke Melaka di mana sambutan besar-besaran menunggu mereka di Lapangan Terbang Batu Berendam dan di Padang Bandar Hilir.

Dari lapangan terbang itu, Tunku Abdul Rahman bersama rombongannya dengan kereta menuju padang itu mengumumkan tarikh kemerdekaan negara.

Majlis itu akan dimulakan dengan ketibaan rombongan kemerdekaan ke-50 di Ketua Perdana Menteri dari Hotel Renaissance melalui Jalan Bendahara, Jalan Laksamana dan Jalan Kota ke Dataran Pahlawan.

Orang ramai akan berpeluang menyaksikan kereta vintaj model Nash Rambler

Custom Convertible 1951 iaitu model sama yang dinaiki oleh Tunku Abdul Rahman, bekas Presiden MCA Tun Tan Siew Sin dan Datuk Panglima Bukit Gantang Toh Muda Haji Abdul Wahab Abdul Aziz.

Kereta itu yang dibeli di Ohio, menggunakan nombor pendaftaran sama dengan kereta yang digunakan pada 20 Februari 1956 iaitu M 4442.

Abdullah akan menaiki kereta itu bersama-sama Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

Selepas lagu Negaraku dinyanyikan, Abdullah akan menandatangani Dokumen Pengisytiharan Merdeka ke-50 diikuti penyerahan ketis kepada Perdana Menteri oleh veteran kemerdekaan, Datuk Fatimah Ahmad.

Perdana Menteri bersama kenamaan lain akan menaikkan Jalur Gemilang dan diikuti dengan penyerahan bendera kepada wakil kerajaan negeri.

- Bernama